
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

HMT 221- FONETIK DAN FONOLOGI BAHASA MALAYSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian. Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan. Jawab DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A – Fonetik

(Jawab mana-mana soalan dalam bahagian ini.)

1. Jawab (a) dan (b).

(a) Terangkan kepentingan alat-alat artikulasi berikut ketika menghasilkan bunyi vokal dan konsonan bahasa Melayu baku.

- (i) pita suara
- (ii) velum
- (iii) lidah
- (iv) bibir

(10 markah)

(b) Dengan menggunakan gambar rajah jelaskan penghasilan semua konsonan nasal bahasa Melayu baku.

(15 markah)

2. Jelaskan semua jenis plosif bersuara yang terdapat dalam bahasa Melayu baku. Huraikan jawapan dengan menyertakan gambar rajah dan contoh-contoh perkataan yang sesuai.

(25 markah)

3. Jawab (a) dan (b).

(a) Apakah perbezaan antara diftong dan rentetan vokal? Huraikan jenis-jenis diftong dalam bahasa Melayu baku beserta contoh dan rajah.

(15 markah)

(b) Transkripsikan secara luas petikan di bawah ke dalam bahasa Melayu baku.

Proses ini berkaitan dengan pembentukan kata baharu dengan cara menyingkatkan sesuatu bentuk kata BM yang sedia ada (bentuk sumber) yang lebih sempurna kepada satu bentuk output lain yang pendek atau kecil. Biasanya bentuk sumber dan bentuk output yang singkat wujud seiring; namun masing-masing bentuk mempunyai penggunaannya atau fungsinya tersendiri. Corak yang sebenar penggunaan dua bentuk yang seiring ini (antara bentuk penuh dan bentuk yang singkat) memanglah memerlukan satu kajian yang terperinci.

Sumber: Mashudi dan Syed Zainal Ariff (2006:134)

(10 markah)

Bahagian B – Fonologi

(Jawab mana-mana DUA soalan dalam bahagian ini.)

4. Jawab soalan (a) dan (b).

(a) Dengan menyertakan contoh-contoh yang sesuai, terangkan secara ringkas perkara-perkara yang berikut:

- (i) pasangan minimal
- (ii) alofon
- (iii) asimilasi
- (iv) penasalan vokal
- (v) pengglotisan

(15 markah)

(b) Dengan menggunakan representasi Sagey (1986), tuliskan fitur-fitur yang dimiliki oleh fonem-fonem bahasa Melayu baku di bawah.

- (i) vokal /a/
- (ii) vokal /i/
- (iii) konsonan nasal /n/

...4/-

- 4 -

- (iv) konsonan oral /p/
 (v) konsonan oral /g/
 (10 markah)

5. Jawab soalan (a) dan (b).

- (a) Tuliskan rumus-rumus yang terlibat dengan proses-proses fonologi bagi **DATA I** di bawah.

DATA I

| Bahasa Melayu baku | | | |
|---------------------------|-------------|-----------|----------|
| (i) | /mati/ | [măti] | 'mati' |
| (ii) | /hiris/ | [hires] | 'hiris' |
| (iii) | /di + ubah/ | [di?ubah] | 'diubah' |
| (iv) | /air/ | [ae:] | 'air' |
| (v) | /kakak/ | [kaka?] | 'kakak' |

Sumber: Farid Onn (1990)

(10 markah)

- (b) Telitikan **DATA II** di bawah. Dengan menggunakan teori autosegmental, bincangkan proses penasalan vokal harmoni dalam bahasa Melayu baku.

DATA II

| Bahasa Melayu baku | | | |
|---------------------------|-------------|-----------|----------|
| (i) | /mawas/ | [măwăs] | 'mawar' |
| (ii) | /mayat/ | [măyăt] | 'mayat' |
| (iii) | /mahal/ | [măhăl] | 'mahal' |
| (iv) | /guna + an/ | [gună?ăñ] | 'gunaan' |

Sumber: Tajul Aripin (2002: 46)

(15 markah)
...5/-

- 5 -

6. Berdasarkan contoh-contoh perkatan daripada bahasa Melayu baku atau mana-mana dialek yang anda tahu, bincangkan proses asimilasi dari perspektif teori autosegmental dan representasi Clements (1983).

(25 markah)

- oooooo -